

02/01/2003

Negara bongkak usah cuba perkecilkan amaran Malaysia

DENGAN kedudukannya di tengah-tengah kelompok negara Asean, memang Malaysia mempunyai sempadan secara langsung dengan lima daripada 10 anggota pertubuhan berkenaan. Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei semuanya menjadi sebahagian teka-teki apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya sempena tahun baru malam kelmarin, memberi amaran keras bahawa Malaysia akan bertindak terhadap sesiapa yang mencabul kebebasan negara ini dengan tindakan awalan atau pertahanan hadapan. Seterusnya apabila Perdana Menteri merujuk kepada negara berkenaan sebagai negara yang bongkak, terlalu mudah untuk sesiapa saja menyisihkan negara jiran yang tidak berkemungkinan melakukan tindakan berkenaan. Dan tinggallah Singapura sebagai jiran terdekat yang paling berkemungkinan melancarkan perang sebagaimana dicadangkan oleh tindak-tanduknya akhir-akhir ini.

Selama ini memang diketahui bahawa di sebalik kegigihan Singapura mengatasi masalah kekurangan bekalan airnya dengan agenda utama mengurang atau menghentikan pergantungan kepada air mentah dari Malaysia, republik itu turut membuat pertimbangan yang membolehkannya sedia berperang jika itulah pilihan yang ada. Air bukan sekadar menjadi keperluan asas, malah satu komoditi strategik yang perlu dipertahankan dalam sebarang keadaan. Sebagaimana buku *Beyond Vulnerability? Water in Singapore-Malaysia Relations* terbitan Institut Kajian Pertahanan dan Strategik (IDSS) Singapura antara lain membincangkan pelbagai aspek ketenteraan dan kesediaan Singapura untuk melindungi kepentingannya, republik itu berkemungkinan melakukan apa saja dalam keadaan terdesak. Kita boleh mengandaikan antara keutamaan Singapura ialah mempertahankan loji penampung dan penapisan air Lembaga Perbekalan Awam (PUB) di Pulau, Tebrau dan Skudai Johor.

Sejak Singapura keluar dari Malaysia pada 1965, soal bekalan air memang menjadi isu politik dan keselamatan buat mereka. Kemungkinan Malaysia memotong bekalan airnya ke republik itu -- sehingga kini pemimpin negara memberi jaminan ia tetap akan diteruskan -- tidak dianggap Singapura sebagai bahan perbualan biasa. Malah, jika tiba satu keadaan yang mendesak bekalan air ke republik itu dipotong, Singapura boleh dijangka akan menjadikannya alasan paling wajar untuk melancarkan peperangan. Cuma ia suatu keanehan di sebalik Singapura bermati-matian mahukan bekalan air bukan saja diteruskan, malah ditambah bagi memenuhi keperluan yang terus meningkat, mereka tidak pula bersedia merundingkan kadar harga lebih munasabah mengikut keadaan semasa. Inilah antara sifat bongkak mereka.

Satu lagi kepentingan strategik Singapura ialah laluan perkapalan. Ini menceritakan mengapa Pulau Batu Putih dalam wilayah Johor yang asalnya menyaksikan Singapura cuma diberi kebenaran menjaga rumah api di pulau sekangkang kera lagi gersang itu, terus didakwa milik mereka. Jika Singapura boleh menugaskan bot Pengawal Pantai dan kapal perang tentera lautnya mengusir bot Polis Marin Malaysia baru-baru ini ketika kedaulatan pulau itu masih menjadi pertikaian, sesiapa saja boleh membayangkan tindakan republik itu jika harapannya untuk menjadi pemilik mutlak Pulau Batu Putih dinafikan. Dalam pada itu, kedudukan pulau itu yang amat strategik dan lebih hampir dengan pantai Johor, juga amat penting kepada Malaysia. Maka, Malaysia juga tidak harus merelakan haknya dirampas.

Selepas ini, kita sudah boleh menjangkakan jawapan Singapura. Sebagaimana lazimnya, Singapura akan menafikan ia menjadi ancaman kepada

Malaysia, apatah lagi untuk menjadikan negara ini sebagai medan pertahanan hadapannya atau melancarkan perang. Biarpun demikian, amaran Dr Mahathir malam kelmarin adalah amat jelas dan tegas. Pendekatan berlembut dan berdiplomasi yang sering menjadi pendekatan Malaysia dalam menyelesaikan sebarang masalah dan pertikaian, tidak harus sama sekali disalahtafsirkan sebagai tunduk kepada tekanan. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka, berhak dan berupaya mempertahankan kedaulatannya daripada digugat atau dicerobohi sekalipun ada negara lain berasakan ia memiliki lebih kekuatan dari segi ketenteraan dan persenjataan.